# TAWARAN KEMUDAHAN PENAJAAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (HLP) UNTUK PEGAWAI PENGURUSAN DAN PROFESIONAL DALAM SKIM PERKHIDMATAN SISTEM MAKLUMAT (F) BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN DI PERINGKAT SARJANA DAN KEDOKTORAN (Ph.D) SECARA SEPENUH MASA SESI 2019

**PENGUMUMAN TAWARAN KEMUDAHAN PENAJAAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (HLP) UNTUK PEGAWAI PENGURUSAN DAN PROFESIONAL DALAM SKIM PERKHIDMATAN SISTEM MAKLUMAT (F) BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN DI PERINGKAT SARJANA DAN KEDOKTORAN (Ph.D) SECARA SEPENUH MASA SESI 2019**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mempelawa pihak YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan untuk mengemukakan pencalonan dari kalangan pegawai-pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dalam Skim Perkhidmatan Sistem Maklumat (F) di Kementerian/Jabatan/Agensi YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan untuk memohon kemudahan penajaan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) bagi mengikuti pengajian di peringkat Sarjana (dalam negara sahaja) dan Kedoktoran (Ph.D) (dalam dan luar negara) Secara Sepenuh Masa Sesi 2019.

3. Sehubungan dengan itu, Jabatan ini memohon pihak YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan untuk membuat hebahan di Kementerian/Jabatan/Agensi YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan dan mengemukakan permohonan pencalonan yang lengkap **selewat-lewatnya pada 31 Julai 2018 (Selasa) sebelum jam 12.00 tengahari** dan dialamatkan kepada:

**Ketua Pengarah**
**Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia,**
**Bahagian Khidmat Pengurusan,**
**Aras 6, Blok B2,**
**Kompleks Jabatan Perdana Menteri,**
**Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,**
**62502 Putrajaya, Malaysia.**
**(u.p: Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan)**

4. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan, <u>permohonan kemudahan penajaan HLP perlu diperakukan terlebih dahulu oleh panel Pembangunan Sumber Manusia di Kementerian/Jabatan/Agensi masing-masing sebelum dihantar ke Jabatan ini</u>. Sebagai

makluman tambahan, sebarang pertanyaan berhubung perkara di atas, YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan boleh menghubungi:-


**i) Nabil Muzhaffar bin Amir Hamzah**
**03-8872 6274**
**nabil@mampu.gov.my**

**ii) Hanis Adiba binti Asmadi**
**03-8872 6352**
**hanisadiba@mampu.gov.my**


5. Sebarang pencalonan yang tidak lengkap dan lewat secara automatik tidak akan dipertimbangkan permohonannya.

6. Segala kerjasama dan perhatian daripada pihak YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.